

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 5/12/2010

Sebahagian masalah anak-anak OKU masih boleh dihindari – PM

Penjaga perlu asas ibu bapa

Oleh TARMIZI ABDUL RAHIM
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 4 Dis. – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, masalah anak-anak kelainan upaya (OKU) sebenarnya masih boleh dihindari melalui asas ilmu pengetahuan keibubapaan yang wajar dimiliki oleh penjaga.

Menurut Perdana Menteri, dalam kebanyakan kes yang mendorong berlakunya kecacatan adalah berpunca daripada demam panas terlalu tinggi yang terjadi semasa peringkat bayi atau kanak-kanak.

“Saya rasa sebahagian daripada kes-kes OKU boleh dihindarkan kerana bila kita menelitinya kebanyakan mereka disebabkan pada waktu kecil menghidap demam panas terlalu tinggi, ibu bapa pula tidak mengetahui cara bagi mengurangkan suhu iaitu sebagai langkah segera yang patut dilakukan.

“Cuba bayangkan jika asas ini diketahui seperti meletakkan pad penyejuk di atas kepala dan dahi, berapa ramai anak-anak kita yang dapat diselamatkan. Pengetahuan ini wajar diberi kerana pencegahan lebih baik daripada merawat,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Karnival Jualan Produk Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor yang juga Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti).

Perdana Menteri turut menekankan kerajaan akan memastikan sasaran sekurang-kurangnya satu peratus daripada perjawatan dalam sektor awam diisi oleh OKU dilaksanakan dengan segera.



NAJIB Tun Razak, Rosmah Mansor, Noorainee Abd. Rahman dan Shahrizat Abdul Jalil bersama para pemenang Bakat Istimewa Semai Bakti Piala Perdana Menteri 2010 di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur, malam tadi. – MINGGUAN/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

“Sasaran ini masih belum dicapai tetapi kita berharap akan dapat mengisi matlamat ini pada masa akan datang, pihak swasta juga diseru supaya dapat memberikan peluang sama kepada OKU ini.

“OKU ini sebenarnya pada setiap masa tidak mahukan simpati daripada kita, apa yang mereka inginkan ialah peluang untuk berdikari, sekali gus mampu menyumbang kepada keluarga dan masyarakat,” katanya.

Justeru, jelas Najib, kerajaan amat konsisten bagi membina satu sistem dalam negara untuk menyokong dan

membantu mereka dan ia bukannya perjuangan kerajaan semata-mata tetapi turut perlu disokong oleh semua pihak.

“Bila diwujudkan PDK dalam satu kawasan, masyarakat setempat mestilah menyokong, apa salahnya sekali pergi jenguk, begitu juga dengan wakil-wakil rakyat berilah sumbangan kepada mereka. Mereka ini amat memerlukan kasih sayang, bukannya untuk dijauhi,” katanya.

Sementara itu, Karnival Jualan Produk Pusat Pemulihan Dalam Komuniti peringkat kebangsaan yang ber-

langsung di Stadium Titiwangsa, malam ini menyaksikan penguasaan kontinjen Johor apabila menggondol lima hadiah utama termasuk johan keseluruhan.

PDK negeri itu antara lain menjuarai kategori gerai terbaik yang membawa pulang hadiah RM5,000, produk ternakan terbaik (RM3,000) dan produk kraf tangan terbaik (RM3,000).

Bagi program Bakat Istimewa Semai Bakti Piala Perdana Menteri 2010 pula, PDK Johor menjuarai kategori nyanyian solo menerusi Fazli Rosli, 22, yang membawakan lagu

berjudul Seroja dengan hadiah wang tunai RM7,000.

Untuk johan keseluruhan, PDK itu membawa pulang RM10,000 beserta Piala Pusingan Perdana Menteri.

Sementara itu, PDK Perak menjuarai kategori produk pertanian terbaik manakala PDK Sabah (johan tarian berkumpulan) dan PDK Kelantan (johan nyanyian duet).

Kedua-dua PDK terbabit masing-masing membawa pulang RM7,000 dan piala iringan.

Kesemua hadiah disampaikan Perdana Menteri.